

01/08/2003

## Perdebatan perceraian SMS tambah dilema wanita

Yusoff Zaky Omar

KENYATAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai isu perceraian menerusi sistem pesanan ringkas (SMS) yang sedang hangat diperkatakan umum ketika ini, mencerminkan kebijaksanaan beliau dalam menangani isu berkenaan.

Beliau jelas menyatakan bahawa perceraian menerusi SMS adalah tidak elok dan tidak patut diamalkan, walaupun ia dibolehkan syarak. Malah, beliau meminta supaya kemajuan teknologi tidak disalahgunakan, sebaliknya dimanfaatkan untuk mengeratkan hubungan.

Saya terpanggil untuk memberikan pandangan kerana bagi saya perceraian bukan sesuatu yang boleh dipandang mudah. Oleh kerana ia membabitkan soal hukum, biarlah pihak yang arif iaitu Majlis Fatwa Kebangsaan yang membuat keputusan mengenainya.

Kabinet tidak sepatutnya memutuskan soal gugur atau tidak talak jika perceraian melalui SMS, surat, e-mel atau apa saja alat perhubungan yang dikategorikan sebagai 'tidak langsung', sebaliknya lebih wajar bagi Kabinet membincangkan soal hukuman yang lebih berat dikenakan kepada suami yang menggugurkan talak di luar mahkamah, walaupun menerusi apa cara sekalipun.

Islam meletakkan wanita sebagai amat berharga, mulia dan tidak boleh dipermainkan. Ini dibuktikan dengan larangan Islam kepada suami untuk tidak mempermainkan soal talak, tidak boleh tersasul dan tersilap, seperti menatang minyak yang penuh. Begitulah mulianya taraf wanita dalam Islam supaya mereka tidak mudah dipermainkan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, yang berusaha bersungguh-sungguh memperjuangkan keadilan wanita, namun dilema sebenar yang dihadapi wanita kini ialah masalah 'gantungan tak bertali', ditinggalkan suami tanpa nafkah dan berita, suami tidak bertanggungjawab serta mengabaikan rumah tangga tetapi enggan menceraikan isterinya.

Kita sering mendengar bagaimana ramai wanita terpaksa meneruskan hidup dengan suami mereka dalam suasana penuh penderitaan dan jika ada yang menuntut cerai, ia akan berlanjutan bertahun-tahun lamanya untuk diselesaikan. Dari segi keluarga, apa yang akan terjadi kepada anak mereka kerana ia akan meninggalkan kesan kepada perkembangan mereka dalam situasi tidak harmoni ini.

Pepatah Cina menyebut: "Apa yang dilihat pada kanak-kanak pada usia tiga tahun, itulah yang akan dilihat pada usianya 80 tahun". Ia seperti menanam pokok yang mana pertumbuhannya berkait rapat dengan persekitarannya.

Keputusan Kabinet seperti dijelaskan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin, bahawa perceraian melalui SMS atau yang diklasifikasikan sebagai 'lafaz tidak langsung' di dalam Islam adalah tidak sah, tidak gugur talak dan hanya dianggap sebagai permohonan bercerai, pasti akan mewujudkan kekeliruan dan menambah satu lagi dilema yang terpaksa ditanggung oleh wanita.

Ini bermakna mereka mesti terus melayan tuntutan zahir dan batin suami mereka seperti biasa. Suami yang tidak menghormati undang-undang biasanya tidak bertanggungjawab dan apabila nafsu memuncak, mereka tidak lagi dapat mengira halal dan haram maka wanita di depan mata akan jadi mangsa sama ada terpaksa atau rela.

Wanita akan terus menangis dan terus-terusan menderita. Wanita tidak lagi menjadi insan mulia seperti yang dikehendaki Islam sebaliknya menjadi

`barang permainan' yang akan terus dimainkan tanpa pembelaan  
sewajarnya.  
YUSOFF ZAKY OMAR  
Alor Star, Kedah.